

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## **ART IN THE CITY ANJURAN CENDANA MENGGEGARKAN KUALA LUMPUR & HUB KREATIF BAKAL MENCipta 2,000 PELUANG PEKERJAAN TAMBAHAN**

Kuala Lumpur, 30 September 2021 – Susulan pengumuman pembukaan semula industri kreatif oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) kembali dengan edisi ketiga Art In The City (AITC) yang menampilkan program dan aktiviti khas untuk penggiat dan petugas kebudayaan. Sempena Tahun Ekonomi Kreatif Antarabangsa untuk Pembangunan Lestari pada tahun ini, AITC 2021 akan berlangsung dari Oktober hingga Disember 2021 dengan pelbagai aktiviti mempromosi seni, kreativiti dan imaginasi rakyat Malaysia. Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, hari ini melancarkan AITC 2021 yang bakal mencipta 2,000 peluang pekerjaan tambahan.

Pelbagai aktiviti menarik akan berlangsung sepanjang tiga bulan ini, terutamanya bagi peminat Seni dan Budaya. Art In The City merangkumi Festival KLWKND yang akan menonjolkan Bandaraya Kuala Lumpur melalui dimensi sejarah, seni, reka bentuk, budaya dan warisan. Program KLWKND merangkumi beberapa aktiviti utama di Godown KL, Panggung Bandaraya DBKL, Pasar Seni, dan REXKL di mana setiap lokasi mempunyai "festival kampung" tersendiri dalam jarak berdekatan di bandar Kuala Lumpur. Acara ini yang akan berlangsung dari 25 hingga 28 November 2021 dikendalikan oleh pengarah festival tersohor, Joe Sidek.

AITC 2021 bakal bermula dengan Forum KUL.CEF pada 14 Oktober 2021. Forum ini akan menampilkan panel tempatan dan antarabangsa ternama. Mereka akan berkongsi pandangan mengenai amalan terbaik pelbagai aspek Seni dan Budaya. Penceramah utama termasuk Jason Bevan, Mantan Ketua Pembangunan Kreatif & Pemasaran VP EMEA Warner Bros Studio yang mempelopori filem Harry Potter dan Fantastic Beasts, filem DC seperti Joker, The Dark Knight dan Aquaman, filem Lego, the Conjuring dan filem Christopher Nolan serta pengasas bersama Content Creator Studios, Lord Ed Vaisey, Mantan Menteri Kebudayaan dan Digital UK paling lama berkhidmat, Yang Berhormat Ridwan Kamil Gabenor Jawa Barat, Indonesia; Suk Young Kim, Profesor Pengajian Teater dan Persembahan di UCLA School of Theatre dan Pakar Industri KPOP dari Korea Selatan dan ramai lagi.

Bagi menyemarakkan pengalaman dalam pembelajaran seni, AITC 2021 akan menganjurkan 'Open Art Classes' atas talian pada hujung minggu untuk orang ramai yang akan dikendalikan oleh seniman, Adiguru, dan petugas kebudayaan di seluruh negara. Di antara mereka yang akan terlibat termasuk pelakon dan pengarah Adlin Aman Ramlie, penyanyi Datuk Syafinaz Selamat, Adiguru Kraf Norhaiza Noordin, artis kontemporari Jailani Abu Hassan, penulis dan wartawan Eddin serta ramai lagi. Kelas-kelas ini akan berlangsung setiap Jumaat hingga Ahad sepanjang AITC 2021 dari 29 Oktober hingga 21 November 2021.

Aktiviti lain yang dinantikan adalah pementasan tradisional Panggung Rakyat yang dilaksanakan dengan kerjasama Bandaraya Kuala Lumpur dan komuniti seni tradisional tempatan di seluruh negara yang menampilkan Kompang Jidor, Zapin Melayu, Kuchipudi, Suara Sabah, Mah Meri dan Menora yang akan disiarkan atas talian melalui laman Facebook CENDANA Malaysia. Pelancaran perintis Studio C menonjolkan pelbagai pilihan produk kraf Malaysia yang berkualiti tinggi dan mencerminkan warisan, komitmen terhadap tanggungjawab sosial dan fokus kepada masa depan yang lestari. Dengan slogan *Our Kraf, Your World*, aktiviti ini diharapkan dapat merangsang ekonomi penggiat seni dan memelihara warisan budaya melalui penceritaan dan tradisi kraf yang seterusnya dipasarkan melalui platform e-dagang tempatan.

The Light Project merupakan kerjasama antara Think City dan majlis perbandaran tempatan - satu persebahanan cahaya di seluruh Kuala Lumpur (dengan kerjasama Interstellar Studio-Jun Ong dan The Godown KL), Butterworth, Batu Pahat, Ipoh, Melaka, dan Kuching. Seterusnya Simposium Ulang Tahun 50 Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang membawa tema *Reflection and Reimagining* akan berlangsung pada bulan Disember merupakan hasil kerjasama PUSAKA dan Jurnal Svara, yang akan menyatukan penggiat budaya dan pakar dari pelbagai komuniti dan bidang untuk membincangkan perkembangan budaya di Malaysia. Kemuncak aktiviti selama 3 bulan akan berakhir di REXKL dengan pameran seni media – SENSORii, dunia karya seni tanpa sempadan yang menampilkan Lim Kok Yoong dengan kerjasama KC Tan, Flux 28, Wee Jia Foong, Ashly Nandong, Azarikh Amran, dengan sokongan penuh Pengarah Artistik Yap Sau Bin, Penerbit Melissa Teoh dan Muzik oleh Ahmad Muriz Che Rose.

Semasa pelancaran AITC 2021, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa memaklumkan "KKMM akan terus memberikan komitmen dan sokongan kepada sektor seni dan budaya yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Sepanjang tahun 2021, KKMM telah melaksanakan pelbagai program industri kreatif melalui inisiatif PRISMA dengan jumlah RM89 juta untuk menggiatkan industri ini. Seterusnya

melalui dana Pelan PEMULIH, tambahan RM100 juta telah diperuntukkan untuk menggerakkan industri kreatif."

Beliau turut menyatakan, "Kerajaan mengakui pentingnya peranan Seni dan Budaya untuk menyemarakkan kembali negara, bukan hanya dari aspek ekonomi tetapi juga dari sudut kemanusiaan. Pembangunan dan pemulihian Seni dan Budaya negara akan membantu memulihkan nusa dan bangsa. Oleh itu, KKMM mengajak masyarakat seni untuk bekerjasama dengan Kementerian melalui Pasukan Petugas Kreatif untuk mewujudkan struktur sistematik untuk membangunkan industri kreatif negara.

Selaras dengan ucapan Menteri mengenai kepentingan Kesenian dan Kebudayaan untuk negara, Penggerusi MyCreative Ventures, Noor Azmi bin Mat Said berkongsi, "Seni dan Budaya adalah warisan paling berharga bagi negara. Melalui legasi ini, kita dapat menyerlahkan visi yang lahir dari naluri untuk membimbing kita sebagai sebuah bangsa. Tanpa visi ini, nilai – nilai masyarakat pasti luput dan bangsa akan hilang ditelan zaman. Budaya, tradisi dan bahasa kita adalah asas jatidiri kita. Dalam mengejar arus pembangunan, jangan sesekali kita membiarkan asas ini binasa. Adalah menjadi harapan kami agar MyCreative Ventures Group, yang merangkumi CENDANA, akan terus memainkan peranan yang efektif dalam meneraju organisasi ini dan melalui pemerkasaan pelbagai program dan inisiatif yang diperkenalkan untuk industri ini, dari semasa ke semasa."

Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA, Izan Satrina Mohd Sallehuddin turut berkata, "Kami komited untuk menyokong pemulihan sektor seni dan budaya. Aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan RM22 juta telah diluluskan dalam 14 bulan terakhir yang telah memberi manfaat kepada lebih daripada 8,000 penggiat budaya. Sebagai tambahan kepada geran yang diluluskan, kami berharap dapat mengubah haluan sektor kami kembali ke ekonomi kreatif melalui platform budaya seperti Art In The City."

"Art In The City memberi fokus kepada seni dan persembahan, dengan lebih dari 100 program dinamik, pelbagai warna dan optimistik yang dilaksanakan tahun ini. Sejak penganjuran pertama dalam tahun 2018, kini pelbagai muzik, tarian, kraf, teater, tarian filem, makanan, warisan dan sejarah menjadi sebahagian dari AITC edisi ketiga bermula dari Oktober hingga Disember 2021. Susulan pembukaan kreatif industri, kerjasama dengan komuniti seni, rakan strategik perniagaan dan kerajaan, CENDANA komited untuk menonjolkan impak seni dan kekuatannya untuk mengatasi cabaran dan memupuk jiwa bangsa untuk masa hadapan. Kami berharap aspirasi ini akan dipertimbangkan dalam Rancangan dan Belanjawan Malaysia ke-12 2022," tambah Izan.

Pelancaran AITC 2021 berlangsung di KLPAC awal hari ini telah dianjurkan oleh CENDANA. Majlis diserikan dengan kehadiran Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif) Puan Mastura Ahmad Mustafa dan Pengerusi MyCreative Ventures Sdn. Bhd. Noor Azmi bin Mat Said.

Art In The City adalah salah satu usaha strategik CENDANA untuk mempromosi komuniti seni tempatan dan melibatkan masyarakat dalam kegiatan seni Negara. Dengan hasrat meraikan kreativiti, CENDANA mengajak rakyat Malaysia untuk melihat negara melalui lensa seni dan budaya. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai AITC, sila layari [www.baskl.com.my/aitc](http://www.baskl.com.my/aitc).

#### **TAMAT-**

Dikeluarkan oleh bzBee Consult Sdn Bhd bagi pihak CENDANA.

#### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Emmy Razali – +6012 342 2006; [emmy@bzbee.com.my](mailto:emmy@bzbee.com.my)

Ariq Amran – +6013 2566695; [ariqamran@bzbee.com.my](mailto:ariqamran@bzbee.com.my)

#### **Mengenai CENDANA**

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk seni budaya ekonomi yang rancak, mampan dan berwawasan untuk Malaysia, bagi terus memartabatkan profil seni budaya ke arah pembentukan identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan lokasi yang strategik di pentas global. Organisasi ini disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan berada di bawah pengendalian Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila layari [www.cendana.com.my](http://www.cendana.com.my) untuk maklumat lanjut.

#### **Mengenai MyCreative Ventures**

MyCreative Ventures adalah syarikat pelaburan Kerajaan yang dilancarkan pada bulan September 2012 untuk memacu industri kreatif Malaysia melalui pembiayaan yang strategik dan inovatif. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.mycreative.com.my](http://www.mycreative.com.my)